

Gejala sosial, jenayah kian meningkat

Sinar Harian 20/06/2010 M/S 523

Lambakan warga asing bawa masalah kepada penduduk

SUNGAI LEMAN - Kehadiran warga asing secara sah atau tanpa dokumen khususnya dari negara serantau mula meresahkan penduduk di kawasan Parit 7 di sini, berikutan peningkatan masalah moral.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP), Punari Pingi berkata, kedatangan warga asing yang bukan sahaja dari Indonesia, malah Bangladesh, Myanmar dan Pakistan itu mula dikesan sejak awal tahun lalu.

Menurutnya, lambakan warga asing yang diperca-



■ PUNARI PINGI

yai bekerja sebagai buruh di tapak pembinaan, perladangan dan perikanan menyebabkan masalah keruntuhan akhlak seperti bersekedudukan mula timbul.

“Sejak kebelakangan ini, kita dapat mengenal pasti masalah sosial terutama bersekedudukan berlaku dan lebih membimbangkan kita sekiranya masalah ini turut membabitkan wanita tempatan, apatah lagi kebanyakan pendatang ini menjadikan rumah sewa penduduk tempatan sebagai tempat kediaman,” katanya ketika ditemui pada Program Info Bestari Parit 7, di Balai Masyarakat Taman Ria di sini, semalam.

Punari berkata, bukan sahaja soal pengaruh gejala sosial, keselamatan seperti peningkatan kes jenayah, malah masalah kesihatan melalui

penyakit berjangkit juga mencetuskan kebimbangan dalam kalangan penduduk tempatan.

Menurutnya, kini terdapat pelbagai penyakit yang sering melanda negara kita.

Justeru beliau berkata, pemantauan daripada Jabatan Imigresen dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di gesa dilakukan secara berterusan bagi memastikan masalah berkenaan tidak menular di kawasan perkampungan itu.

Dalam hal berkenaan katanya, penduduk kampung perlu memberi kerjasama dalam menjaga keamanan kawasan setempat.